



Rujukan Kami : Bil. (08) dlm KKMB/6(A) Jld. II  
Tarikh : 20hb Julai 2023

Semua Anggota,

**Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.**

*Assalamualaikum wr. wbt./Salam Sejahtera,*

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD BIL. 03/2023  
- HAD PEMBIAYAAN PERIBADI DAN PENSTRUKTURAN PINJAMAN ANGGOTA**

**1. TUJUAN**

- 1.1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menyampaikan kepada anggota-anggota Koperasi Kospeta Malaysia Berhad mengenai perubahan baru yang telah dibuat oleh Lembaga Koperasi berkaitan pembiayaan sedia ada anggota Koperasi dengan menaikkan had pembiayaan peribadi dan pengguna anggota serta menawarkan penstrukturan pembiayaan kepada anggota yang berbaki lima (5) tahun ke atas atau kadar 40-50% daripada kadar pembiayaan asal atau mana-mana hutang pembiayaan melebihi satu (1) bagi tujuan mengecilkkan jumlah potongan bulanan.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Lembaga Koperasi telah membuat penilaian semula ke atas kesukaran yang dihadapi oleh anggota-anggota Koperasi dalam tempoh lebih kurang tiga (3) tahun ini semasa penularan COVID-19 serta kesan yang dihadapi oleh Koperasi Kredit dari segi pembiayaan oleh anggota.
- 2.2. Sehubungan dengan itu, Lembaga Koperasi telah menimbang dan membuat keputusan berdasarkan kepada semangat berkoperasi, keperluan Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Koperasi yang berkuatkuasa bagi meningkatkan pembiayaan kredit, menggalakkan penyertaan anggota serta membolehkan anggota menikmati faedah lebih maksimum serta meneruskan pembiayaan melalui perkhidmatan Koperasi.

**3. KEPUTUSAN LEMBAGA**

- 3.1. Setelah mengambil kira perkara-perkara yang dinyatakan Lembaga KOSPETA telah bersetuju melalui pemberitahuan dalam Pekeliling Koperasi Kospeta Malaysia Berhad Bilangan 03/2023 akan kemudahan yang boleh dinikmati oleh anggota dan bakal anggota.

3.2. Pelaksanaan-pelaksanaan pembaharuan adalah sebagaiimana berikut:-

**3.2.1. Perubahan Had Pembiayaan Peribadi dan Pengguna**

- 3.2.1.1. Mesyuarat Lembaga Khas yang bersidang pada 17.06.2023 dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke 41 telah bersetuju menaikkan kadar pembiayaan peribadi dan pengguna dari RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu Sahaja) kepada **RM200,000.00** (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Ribu Sahaja) berdasarkan kelayakan anggota.
- 3.2.1.2. Tempoh pembiayaan ini adalah 10 tahun dan had kelayakan pemohon adalah tidak melebihi 60% daripada gaji hakiki sepertimana tertakluk dalam Aturan Pembiayaan Peribadi.
- 3.2.1.3. Perubahan had pembiayaan Peribadi dan Pengguna ini berkuatkuasa pada **01.07.2023**.

**3.2.2. Tawaran Penstrukturan Pinjaman Kepada Anggota Berbaki Lima (5) Tahun Ke Atas Atau 40-50% Daripada Kadar Pembiayaan Asal**

- 3.2.2.1. Mesyuarat Lembaga Khas yang bersidang pada 17.06.2023 telah bersetuju untuk membantu anggota bagi anggota yang mempunyai lebih daripada satu (1) jenis pinjaman.
- 3.2.2.2. Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju menyelesaikan masalah anggota bagi mengurangkan bebanan dan liabiliti hutang yang sedia ada anggota yang mempunyai pinjaman bertindih atau pinjaman-pinjaman yang lain seperti pinjaman barangan dengan membuat penstrukturan semula pinjaman anggota kepada satu (1) pinjaman.
- 3.2.2.3. Ini bertujuan bagi mengurangkan jumlah potongan bayaran balik pinjaman yang anggota dan memberi kelayakan kepada anggota untuk membuat pinjaman yang baharu dengan tujuan membantu anggota bagi mengurangkan beban anggota dan pembayaran faedah berganda.
- 3.2.2.4. Mesyuarat juga bersetuju melalui cadangan penstrukturan pinjaman yang dipersetujui ini akan dapat membantu mengurangkan bayaran balik ansuran bulanan terutama bagi kadar keuntungan Koperasi atau ijarah yang sebelum ini dikenakan kepada setiap jenis pinjaman hanya kepada satu (1) jenis pinjaman sahaja.
- 3.2.2.5. Sekiranya anggota yang mempunyai pinjaman melebihi satu (1) jenis pinjaman dan jumlah potongan yang dikenakan adalah sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja), maka dengan penstrukturan pinjaman tersebut, potongan bulanan akan menjadi kurang daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja).

#### 4. PENUTUP

- 4.1. Anggota Koperasi boleh menikmati kemudahan ini dengan membuat permohonan pembiayaan secara fizikal mahupun dalam talian melalui laman web Koperasi; [www.kospeta.coop](http://www.kospeta.coop). Borang pembiayaan hendaklah diisi dengan lengkap dan teratur serta perlu mengemukakan dokumen sokongan dengan lengkap.
- 4.2. Pihak Koperasi amat menghargai sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh anggota-anggota Koperasi selama ini. Segala perhatian dan kerjasama anggota dalam menyebarkan maklumat di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

**"MENABUNGLAH UNTUK HARI TUA"**

Yang berkhidmat,



**(DATO' HAJI ADNAN BIN MAT)**  
*Setiausaha*  
Koperasi Kospeta Malaysia Berhad

s.k.:

- i. Pengerusi Koperasi Kospeta Malaysia Berhad

*D'AM/na*